

06/08/1998

Dr M dijangka beri taklimat kepada MT

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka memberi taklimat mengenai perkembangan terbaru hubungan Malaysia-Singapura kepada anggota Majlis Tertinggi (MT) Umno yang dijadual bermesyuarat Jumaat ini.

Mengumumkan perkara itu kepada pemberita selepas majlis makan tengah hari menteri-menteri Kabinet di sini hari ini, Setiausaha Agung Umno, Datuk Sabbaruddin Chik, tidak menolak kemungkinan Perdana Menteri akan berbuat demikian.

"Barangkali pada 7 hari bulan (Jumaat) ini, ada mesyuarat MT Umno... barangkali mungkin, Perdana Menteri akan beri taklimat pada ahli-ahli," katanya.

Jamuan itu diadakan selepas majlis pelancaran Kempen Menderma Buku di stesen Petronas di Sri Hartamas dekat sini, yang diadakan sempena Bulan Membaca.

Sabbaruddin berkata, kenyataan perkara itu yang dibahaskan di Parlimen semalam menunjukkan seluruh negara berada di belakang Dr Mahathir berhubung pendirian Malaysia dalam isu itu.

"Parti tidak ada masalah untuk menyokong Perdana Menteri," katanya.

(END)